

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan

Data yang digunakan untuk membolehkan kajian ini dapat dilaksanakan, diperolehi daripada surat khabar tabloid elektronik, iaitu surat khabar tabloid *Bild* daripada laman web www.bild.de. Data ini diambil daripada surat khabar tabloid elektronik harian selama tiga bulan, iaitu daripada bulan Januari tahun 2007 sehingga bulan Mac tahun 2007. Setelah leksis-leksis *Denglisch* dikenal pasti dan diambil daripada surat khabar tabloid elektronik setiap hari selama tiga bulan, asal usul leksis *Denglisch* dikenal pasti dengan menggunakan kamus leksis asing, iaitu kamus *Duden, Das Fremdwörterbuch* (2001) supaya leksis *Denglisch* tulen dapat diperolehi untuk menjamin kesahihan data. Memang tidak dapat dinafikan bahawa saya turut merasa terkejut setelah mengenal pasti asal usul leksis *Denglisch* satu per satu untuk memastikan ketulenan leksis *Denglisch* dan mengetahui asal usulnya. Sebenarnya setengah daripada leksis ini bukan leksis *Denglisch* seperti mana yang dianggap oleh orang ramai. Sebenarnya leksis-leksis ini berasal daripada Bahasa Sepanyol, Bahasa Perancis, Bahasa Belanda dan sebagainya dan dipinjam serta digunakan dalam bahasa Inggeris. Dengan itu, leksis-leksis ini dianggap oleh orang ramai sebagai leksis Bahasa Inggeris. Contohnya:

Das Drama (drama)–Leksis ini berasal daripada Bahasa Yunani dan diserap masuk ke dalam Bahasa Latin. Sebenarnya leksis ini bukan leksis Bahasa Inggeris yang dipinjam ke dalam leksis *Denglisch* seperti yang dianggap oleh orang ramai.

Das Dinner (makan malam)–Leksis ini berasal daripada Bahasa Latin dan seterusnya diserap ke dalam Bahasa Perancis dan leksis ini juga bukan leksis *Denglisch*.

konsumieren (mengguna)–Leksis ini berasal daripada Bahasa Latin dan seterusnya diserap ke dalam Bahasa Itali dan ia juga bukan leksis *Denglisch*.

4.1 Senarai Leksis *Denglisch*

Setelah dikenal pasti akan asal usul leksis yang diekstrak daripada surat khabar tabloid elektronik, sebanyak 496 leksis *Denglisch* dapat dikenal pasti dan leksis *Denglisch* ini disenaraikan dalam 3 jadual mengikut kategori leksis. Jadual pertama memaparkan senarai leksis *Denglisch* kata nama, jadual kedua pula memaparkan senarai leksis *Denglisch* kata kerja dan jadual ketiga memaparkan senarai leksis *Denglisch* kata adjektif. Sebanyak 449 leksis *Denglisch* kata nama dapat dikenal pasti dan senarai leksis *Denglisch* kata nama ini ada dilampirkan di bahagian Appendix, dalam Appendix I. Manakala hanya terdapat 40 leksis *Denglisch* kata kerja, dalam Appendix II dan 7 leksis *Denglisch* kata adjektif, dalam Appendix III digunakan untuk tujuan analisis bagi kajian ini. Daripada jumlah 449 kata nama leksis *Denglisch* ini, didapati sebanyak 344 leksis berasal secara langsung daripada Bahasa Inggeris dan sejumlah 152 leksis *Denglisch* bukan berasal secara langsung daripada Bahasa Inggeris. Leksis *Denglisch* yang bukan berasal secara langsung daripada Bahasa Inggeris ini berasal daripada pelbagai bahasa punca dan akhirnya dijadikan leksis Bahasa Inggeris sebelum membentuk leksis *Denglisch*. Contohnya leksis *Denglisch der Bodyguard* (seseorang yang mengawal keselamatan seseorang)–leksis *Bodyguard* merupakan leksis Bahasa Inggeris tulen. manakala leksis *Denglisch Camper* (orang yang berkhemah)–leksis *Camper* bukan merupakan leksis Bahasa Inggeris tulen, di mana leksis ini berasal daripada Bahasa Latin dan dipinjam ke dalam Bahasa Itali serta digunakan dalam Bahasa Perancis sebelum dijadikan leksis Bahasa Inggeris. Leksis Bahasa Inggeris yang membentuk leksis

Denglisch dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu leksis Bahasa Inggeris Amerika Syarikat dan leksis Bahasa Inggeris British. Setelah memerhatikan leksis Bahasa Inggeris yang diambil dan dijadikan leksis *Denglisch*, didapati sebanyak 423 leksis *Denglisch* berasal daripada leksis Bahasa Inggeris British dan hanya sebanyak 73 leksis *Denglisch* sahaja berasal daripada leksis Bahasa Inggeris Amerika Syarikat.

4.2 Perubahan Kategori Leksis

Golongan kata seperti yang digariskan oleh ahli linguist Jerman Hans Glinz (1970) telah diaplikasikan dalam kajian ini. Golongan kata yang dikemukakan oleh Glinz mengandungi lima kumpulan yang utama berdasarkan kepada kriteria morfologi. Golongan kata yang dikemukakan oleh Glinz ini diberi nama *Fünf-Wortarten-Lehre* dan menurut *Fünf-Wortarten-Lehre* ini, leksis Jerman dibahagikan kepada lima kumpulan secara umumnya, iaitu kategori kata nama, kategori kata kerja, kategori kata adjektif, kategori kata ganti nama dan kategori kata partikel. Setelah menganalisis data, didapati terdapat perubahan kategori kelas bagi leksis Bahasa Inggeris yang digunakan untuk membentuk leksis *Denglisch*. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 63 leksis Bahasa Inggeris mengalami perubahan kategori dalam kata nama. Selain kata nama, kata kerja dan kata adjektif juga terlibat dengan perubahan kategori sesebuah leksis, di mana hanya terdapat dua leksis yang mengalami perubahan kategori dalam kata kerja dan tiga leksis yang mengalami perubahan kategori dalam kata adjektif. Kesimpulannya hanya terdapat 13.7% leksis yang mengalami perubahan kategori. Leksis yang lain masih mengekalkan kategori mereka yang asal. Tiada perubahan berlaku walaupun leksis tersebut telah diambil dan dijadikan leksis *Denglisch*. Perkara ini dibincang dengan lebih terperinci dalam bahagian 4.2.1 (Perubahan kategori dalam kata

nama), 4.2.2 (Perubahan kategori dalam kata kerja) dan 4.2.3 (Perubahan kategori dalam kata adjektif).

4.2.1 Perubahan Kategori Dalam Kata Nama

Daripada data yang dikumpul, analisis perubahan kategori bagi leksis *Denglisch* telah dijalankan dan didapati terdapat sejumlah 63 leksis yang mengalami perubahan kategori setelah dijadikan leksis *Denglisch*. Perubahan kategori ini bermakna leksis asal (leksis Bahasa Inggeris) yang membentuk leksis *Denglisch* ini berasal daripada kategori yang berlainan. Perubahan kategori dalam kata nama ini dapat diklasifikasikan kepada dua kumpulan, iaitu perubahan daripada kata adjektif (leksis asal iaitu Bahasa Inggeris) kepada kata nama (leksis *Denglisch*) dan perubahan daripada kata kerja (leksis asal iaitu Bahasa Inggeris) kepada kata nama (leksis *Denglisch*).

4.2.1.1 Leksis Kata Adjektif Bahasa Inggeris Berubah Kepada Leksis Kata Nama *Denglisch*

Dalam Bahasa Inggeris, leksis-leksis seperti *single, in, live, top, super, mega* dan *mini* merupakan kata adjektif. Akan tetapi apabila leksis-leksis ini digunakana oleh para pengguna Bahasa Jerman, leksis-leksis ini mengalami perubahan. Leksis–leksis Bahasa Inggeris ini ditukar daripada kata adjektif kepada kata nama dalam *Denglisch* dan ini dapat dibuktikan dan ditunjukkan dalam jadual 4.1. Sebanyak 59 leksis yang mengalami perubahan dapat direkodkan dan disenaraikan mengikut turutan kata adjektif seperti berikut *super, top, mini, mega, single, live, in* dan *high*.

Jadual 4.1 Leksis Kata Adjektif Bahasa Inggeris Berubah Kepada Leksis Kata Nama

Denglisch

No.	Kata Adjektif		Kata Nama	Leksis Denglisch (Kata Nama)	
1	super	+	Baby	=	Super -Baby
2	super	+	Sponsor	=	Super -Sponsor
3	super	+	hündin	=	Super hündin
4	super	+	Tolle	=	Super -Tolle
5	super	+	Sturm	=	Super -Sturm
6	super	+	Model	=	Super -Model
7	super	+	Frühling	=	Super -Frühling
8	super	+	Vater	=	Supervater
9	super	+	Asistent	=	Super -Asistent
10	super	+	Assi	=	Super -Assi
11	super	+	Spezial-Firma	=	Super -Spezial-Firma
12	super	+	Helden	=	Super -Helden
13	super	+	Einkauf	=	Super -Einkauf
14	super	+	Sommer	=	Super -Sommer
15	super	+	Comeback	=	Super -Comeback
16	super	+	Babe	=	Super -Babe
17	top	+	verdiener	=	Top verdiener
18	top	+	Model	=	Top -Model
19	top	+	Qualität	=	Top -Qualität
20	top	+	Terrorist	=	Top -Terrorist

21	top	+	Frauen	=	Top-Frauen
22	top	+	20-Show	=	Top-20-Show
23	top	+	Frisur	=	Top-Frisur
24	top	+	Chance	=	Top-Chance
25	top	+	Schauspiel	=	Top-Schauspiel
26	top	+	Promis	=	Top-Promis
27	top	+	Manager	=	Top-Manager
28	top	+	Ten	=	Top-Ten
29	top	+	Thema	=	Top-Thema
30	top	+	Werte	=	Top-Werte
31	top	+	Finanzexperten	=	Top-Finanzexperten
32	top	+	Favoritin	=	Top-Favoritin
33	mini	+	Rock	=	Mini-Rock
34	mini	+	Player	=	Mini-Player
35	mini	+	Apartment	=	Mini-Apartment
36	mini	+	Skandalchen	=	Mini-Skandalchen
37	mini	+	Film	=	Mini-Film
38	mini	+	Nachrichtenze ntral	=	Mini-Nachrichtenzentral
39	mini	+	Outfit	=	Mini-Outfit
40	mini	+	String	=	Mini-String
41	mega	+	Comeback	=	Mega-Comeback
42	mega	+	Stimmung	=	Mega-Stimmung

43	mega	+	Zopf	=	Mega-Zopf
44	mega	+	City	=	Mega-City
45	mega	+	Umweltversch mutzung	=	Mega-Umweltverschmutzung
46	mega	+	Gewinn	=	Mega-Gewinn
47	mega	+	Trend	=	Mega-Trend
48	mega	+	star	=	Megastar
49	mega	+	Tour	=	Mega-Tour
50	mega	+	Schock	=	Mega-Schock
51	mega	+	Gipfel	=	Mega-Gipfel
52	mega	+	Meeting	=	Mega-Meeting
53	mega	+	Talent	=	Mega-Talent
54	mega	+	Konzerte	=	Mega-Konzerte
55	single	+	Frau	=	Single-Frau
56	single	+	Leben	=	Single-Leben
57	live	+	Show	=	Live-Show
58	in	+	Jeans	=	In-Jeans
59	high	+	Heels	=	High-Heels

Dalam jadual 4.1 ditunjukkan lexis Bahasa Inggeris, iaitu kata adjektif seperti *single*, *in*, *live*, *top*, *super*, *mega*, *high* dan *mini* ini bertukar menjadi kata nama setelah dijadikan lexis *Denglisch*. Lexis *Denglisch* ini dibentuk untuk menampung keperluan para pengguna bahasa. Misalnya,

- a. *super* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch super* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu huruf *s* ditulis dalam huruf besar seperti dalam contoh *Super-Einkauf*
- b. *top* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch top* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *t* ditulis dalam huruf besar *Top-Thema*
- c. *mini* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch mini* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *m* ditulis dalam huruf besar *Mini-Rock*
- d. *mega* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch mega* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *m* ditulis dalam huruf besar *Mega-Meeting*
- e. *single* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch single* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *s* ditulis dalam huruf besar *Single-Frau*
- f. *live* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch live* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *l* ditulis dalam huruf besar *Live-Show*
- g. *In* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggris, tetapi dalam leksis *Denglisch in* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, yaitu *i* ditulis dalam huruf besar *In-Jeans*

- h. *high* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggeris, tetapi dalam leksis *Denglisch high* telah dijadikan kata nama dan huruf pertama, iaitu *h* ditulis dalam huruf besar *High-Heels*

Daripada contoh di atas, jelas kelihatan bahawa ciri-ciri distinktif yang dikatakan terdapat perubahan kategori adalah huruf pertama leksis Bahasa Inggeris ini (dalam situasi di sini-kata adjektif) ditulis dalam huruf besar. Ini adalah kerana semua huruf pertama leksis kata nama Bahasa Jerman mesti ditulis dalam huruf besar dan kata sendi pula ditulis dalam huruf kecil. Perkara ini akan dibincang dengan lebih mendalam dalam pembentukan leksis *Denglisch* dalam bahagian 4.4.

4.2.1.2 Leksis Kata Kerja Bahasa Inggeris Berubah Kepada Leksis Kata Nama *Denglisch*

Empat leksis kata kerja Bahasa Inggeris yang berubah kepada leksis kata nama *Denglisch* dapat dijumpai. Leksis *Boxen* merupakan kata nama dalam leksis *Denglisch* dan leksis ini berasal daripada Bahasa Inggeris. Akan tetapi leksis *Denglisch Boxen* ini tidak sama dengan leksis *boxing* yang merupakan kata nama dalam leksis Bahasa Inggeris. Sebenarnya leksis ini berasal daripada kata kerja *to box* daripada leksis Bahasa Inggeris dan leksis ini dipinjam ke dalam bahasa Jerman sebagai kata kerja juga iaitu *boxen*. Dan dalam Bahasa Jerman kata kerja dapat dijadikan sebagai kata nama untuk menampung kekurangan leksis dalam Bahasa Jerman. Dengan itu, huruf pertama kata kerja akan ditulis dalam huruf besar iaitu *Boxen* dan mengambil kata sandang bekecuali, iaitu *das*. Selain itu, dalam leksis *Denglisch das erste Qualifying*, leksis *Qualifying* ini merupakan leksis Bahasa Inggeris dan berasal daripada kata kerja *to qualify*. Leksis *Denglisch* mengambil kala kini berterusan (present continuous tense), iaitu daripada kata kerja *to*

qualify ditukar menjadi bentuk kala kini berterusan *qualifying*. Dan leksis *qualifying* ini merupakan kata kerja dalam Bahasa Inggeris dan dijadikan kata nama dan digunakan sebagai leksis *Denglisch*. Dengan itu, huruf pertama leksis *Denglisch* ini ditulis dalam huruf besar, iaitu ***Qualifying***. Keadaan sama juga berlaku terhadap leksis *Denglisch* ***Augen-Lifting***. Leksis ***Lifting*** yang digunakan sebagai kata nama dalam leksis *Denglisch* ini, berasal daripada Bahasa Inggeris, iaitu kata kerja *to lift* dan digunakan dalam bentuk kala kini berterusan. Selain itu, leksis *Denglisch* ***Pick-Up*** turut didapati dalam senarai leksis yang berjaya diekstrak daripada surat khabar elektronik ini. Leksis *Denglisch* ***Pick-Up*** ini merupakan kata nama dalam *Denglisch*. Akan tetapi, ia berasal daripada Bahasa Inggeris dan merupakan kata kerja dalam Bahasa Inggeris. Semasa leksis ini digunakan dalam *Denglisch*, leksis ini ditukarkan kepada kata nama.

4.2.2 Perubahan Kategori Dalam Kata Kerja

Perubahan kategori bukan sahaja hanya berlaku dalam kata nama malah kata kerja. Daripada senarai leksis *Denglisch* yang didapati, terdapat dua kata kerja leksis *Denglisch* yang sebenarnya berasal daripada kata nama leksis Bahasa Inggeris. Setelah kedua-dua leksis ini dijadikan leksis *Denglisch*, kedua-dua leksis ini berubah kategori, iaitu daripada kata nama kepada kata kerja. Contohnya kata kerja leksis *Denglisch* ***pokern*** yang bermaksud bermain poker berasal daripada leksis Bahasa Inggeris ***poker***. Leksis ***poker*** merupakan kata nama dan leksis ini tidak mempunyai leksis kata kerja dalam Bahasa Inggeris. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa perubahan kategori berlaku, iaitu daripada kategori kata nama kepada kategori kata kerja. Situasi ini turut berlaku kepada kata kerja leksis *Denglisch* ***jobben*** yang bermakna bekerja. Leksis *Denglisch* ***jobben*** ini

berasal daripada kata nama lexis Bahasa Inggeris *job* yang membawa maksud pekerjaan dan lexis Bahasa Inggeris *job* merupakan kata nama dalam Bahasa Inggeris.

4.2.3 Perubahan Kategori Dalam Kata Adjektif

Perubahan kategori turut berlaku terhadap kata adjektif. Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji dapat mengenal pasti tiga lexis yang mengalami proses perubahan kategori. Ketiga-tiga lexis ini dibincang satu demi satu dalam bahagian ini. Lexis *Denglisch unaustrainiert* yang mendukung makna tidak melatih merupakan kata adjektif. Sebenarnya, lexis *Denglisch unaustrainiert* merupakan hasil pembentukan lexis baru dalam Bahasa Jerman. Lexis ini dibentuk daripada kata kerja yang mendasarinya iaitu, *austrainieren* (melatih) dan awalan *un-* menjadikannya mendukung maksud negatif. Dengan itu *unaustrainieren* bermakna tidak melatih. Bentuk *austrainiert* pula merupakan bentuk *partizip II*, iaitu kala lepas *perfekt* Bahasa Jerman. Menurut hukum tatabahasa Bahasa Jerman, kata adjektif dapat dibentuk dengan menggunakan bentuk kata kerja kala lepas *perfekt* seperti lexis *Denglisch unaustrainiert* ini. Lexis *austrainieren* berasal daripada kata kerja lexis Bahasa Inggeris *to train* manakala lexis *Denglisch unaustrainiert* merupakan kata adjektif. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa terdapat perubahan kategori bagi lexis *Denglisch unaustrainiert* ini, iaitu daripada kategori kata kerja kepada kategori kata adjektif. Selain lexis *Denglisch unaustrainiert*, lexis *Denglisch meistfotografiert* yang berdefinisi paling banyak diambil gambar juga mengalami perubahan kategori. Perubahan lexis *Denglisch meistfotografiert* ini adalah sama seperti lexis *Denglisch unaustrainiert*. Bentuk kata kerja asal lexis *fotografiert* adalah *fotografieren* dan lexis *fotografiert* ini merupakan kata kerja *partizip II*, iaitu bentuk kala lepas *perfekt* dalam tatabahasa Bahasa Jerman. Sebenarnya kata kerja lexis

Bahasa Jerman *fotografieren* bukan leksis asal Bahasa Jerman dan berasal daripada kata kerja Bahasa Inggeris *to take photo*. *Meist* pula merupakan awalan yang ditambahkan kepada kata kerja leksis Bahasa Jerman *fotografieren* untuk menerangkan secara spesifik kadar gambar yang diambil. Kata adjektif leksis *Denglisch meistfotografiert* dikatakan mengalami perubahan kategori atas sebab kata adjektif bagi kata kerja *fotografieren* dalam Bahasa Inggeris adalah *photographic* dan bukannya *to take photo* yang merupakan kata kerja. Dengan itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa perubahan kategori memang mengambil tempat dalam leksis *Denglisch meistfotografiert* yang berubah daripada kata kerja kepada kata adjektif. Leksis *Denglisch boomed* yang bermakna melambung turut dikenal pasti sebagai leksis yang mengalami perubahan kategori. *Boomed* dalam leksis *Denglisch* merupakan kata adjektif dan leksis ini berasal daripada kata kerja leksis Bahasa Inggeris, iaitu *to boom*. Walaupun kata kerja leksis Bahasa Inggeris merupakan *to boom, boom* tidak digunakan dan dijadikan kata adjektif dalam leksis *Denglisch* malah bentuk kata kerja kala lepas bagi kata kerja ini, iaitu *boomed* digunakan dalam leksis *Denglisch*. Dengan itu dapat dikatakan bahawa leksis ini mengalami perubahan kategori setelah dijadikan leksis *Denglisch*, iaitu daripada kategori kata kerja kepada kategori kata adjektif.

4.3 Pembentukan Leksis *Denglisch*

Dalam bahagian ini pembentukan leksis *Denglisch* bagi kata nama, kata kerja dan kata adjektif dibincang dengan teliti. Setelah menganalisis data, didapati leksis *Denglisch* hanya dibentuk dengan menggunakan kaedah terbitan (Derivation) dan pemajmukan (Compounding). Tiga per empat daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan

menggunakan kaedah pemajmukan hanya satu per empat daripada leksis *Denglisch* dibentuk dengan menggunakan kaedah terbitan.

4.3.1 Pembentukan Kata Nama Leksis *Denglisch*

Pembentukan kata nama leksis *Denglisch* ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu pembentukan kata nama leksis *Denglisch* yang hanya terdiri daripada leksis bahasa Inggeris sahaja dan pembentukan kata nama leksis *Denglisch* yang terdiri daripada gabungan leksis Bahasa Inggeris dan leksis Bahasa Jerman.

4.3.1.1 Pembentukan Kata Nama Leksis *Denglisch* Dengan Leksis Inggeris

Dalam bahagian ini pembentukan leksis *Denglisch* dengan leksis Inggeris akan dibincangkan. Daripada senarai data yang didapati, disimpulkan bahawa dalam pembentukan kata nama leksis *Denglisch* dapat dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan pertama leksis Bahasa Inggeris dipinjam secara bulat-bulat/ sepenuhnya ke dalam *Denglisch* dan kumpulan kedua hibrid leksis Bahasa Jerman dan leksis Bahasa Inggeris. Walaupun leksis Bahasa Inggeris diambil secara bulat-bulat/ sepenuhnya dalam *Denglisch*, leksis ini tidak dapat mengelak daripada perubahan. Akan tetapi perubahan dalam kumpulan ini bukannya keterlaluan. Leksis bahasa Inggeris yang diambil secara bulat-bulat dalam *Denglisch* dapat dibahagi kepada dua subkumpulan, iaitu,

- (i) Dalam subkumpulan ini, leksis Bahasa Inggeris diambil secara sepenuhnya dan dijadikan leksis *Denglisch*. Walaupun leksis Bahasa Inggeris diambil secara bulat-bulat, leksis Bahasa Inggeris ini tidak dapat mempertahankan 100 % ciri-cirinya sebagai leksis Bahasa Inggeris. Perubahan terhadap leksis

bahasa Inggeris berlaku apabila leksis Bahasa Inggeris dijadikan leksis *Denglisch*. Perubahannya merupakan:

- a. Huruf pertama leksis Bahasa Inggeris yang dijadikan leksis *Denglisch* ditulis huruf besar. Ini adalah kerana menurut hukum tatabahasa Bahasa Jerman, semua kata nama dalam Bahasa Jerman mesti ditulis dalam huruf besar. Ini merupakan salah satu ciri istimewa dalam tatabahasa Bahasa Jerman. Contohnya leksis-leksis Bahasa Inggeris *bestseller*, *show* dan *look* ditulis sebagai ***Bestseller***, ***Show*** dan ***Look***. Huruf pertama bagi leksis *bestseller*, iaitu huruf *b*; huruf pertama bagi leksis *show*, iaitu huruf *s* dan huruf pertama bagi leksis *look*, iaitu *l*, ditulis dalam huruf besar dalam *Denglisch*. Ini adalah kerana ketiga-tiga leksis ini merupakan kata nama.
- b. Setiap leksis Bahasa Inggeris dibawa masuk ke dalam *Denglisch* dianugerahkan kata sandang. Sebenarnya semua kata nama leksis Bahasa Jerman mesti mendukung salah satu daripada tiga kata sandang. Dalam Bahasa Jerman terdapat tiga kata sandang, iaitu kata sandang maskulin yang diwakili oleh *der*; kata sandang feminin yang diwakili oleh *die* dan kata sandang berkecuali yang diwakili oleh *das*. Leksis yang dipinjam dan digunakan dalam Bahasa Jerman turut diberi kata sandang. Biasanya leksis pinjaman diberi sama ada kata sandang maskulin *der* atau kata sandang berkecuali *das*, menurut tatabahasa Bahasa Jerman (Gallmann, P. 2001) Akan tetapi, ini tidak bermakna kata pinjaman tidak akan diberi kata sandang feminin *die*. Kata sandang feminin *die* juga diberikan kepada leksis pinjaman yang tertentu. Contohnya leksis-leksis *Star*, *Boycott* dan

Laptop digolong dalam kata nama maskulin. Dengan itu, leksis-leksis ini menggunakan kata sandang *der*; leksis-leksis *Homepage*, *Dealer* dan *Disco* digolong dalam kategori feminin. Dengan itu, leksis-leksis ini menggunakan kata sandang *die*; leksis-leksis *T-Shirt*, *Handy* dan *Workout* digolong dalam kategori bekecuali. Dengan itu, leksis-leksis ini menggunakan kata sandang *das*. Selain itu, terdapat sekumpulan kecil leksis *Denglisch* yang diberi taraf istimewa, iaitu leksis ini boleh digolong sama ada dalam kategori maskulin atau bekecuali, dengan ini leksis-leksis yang berada dalam kategori ini mendukung sama ada kata sandang maskulin *der* atau kata sandang bekecuali *das*. Contohnya leksis-leksis *Match*, *Download* dan *Countdown* boleh digunakan sama ada dengan kata sandang maskulin *der* atau kata sandang bekecuali *das*.

- c. Leksis-leksis jamak seperti *die Tricks*, *die Attacken* dan *die Fans*, diberi kata sandang jamak , iaitu *die* menurut hukum tatabahasa Bahasa Jerman. Selain kata sandang, leksis jamak turut menerima akhiran seperti dalam Bahasa Jerman. Contohnya, akhiran *-s* ditambah bagi menunjukkan bentuk jamak bagi leksis *Denglisch der Trick* dan *der Fan*; akhiran *-en* ditambah bagi menunjukkan bentuk jamak dan keadaan sama bagi leksis *Denglisch die Attack*, iaitu leksis *Denglisch* ini juga menerima akhiran *-en*.
- d. Setiap kata nama leksis Bahasa Jerman mempunyai kata sandang masing-masing. Setelah menggabungkan dua kata nama, ini bermakna terdapat dua kata sandang. Kata sandang yang mana satu patut dipilih untuk mewakili kata nama baru tersebut? Kata majmuk seperti *die*

Beautyprodukte, *die Beachboys* dan *die Wodkadrinks* dibentuk daripada dua leksis dan digabungkan untuk menjadi leksis baru, contohnya leksis *die Beauty* digabung dengan leksis *das Produkt* menjadi *das Beautyprodukt*; leksis *der Beach* digabung dengan leksis *der Boy* menjadi *der Beachboy* dan leksis *der Wodka* digabung dengan *der Drink* menjadi *der Wodkadrink*. Daripada contoh-contoh di atas, jelas kelihatan bahawa kata sandang bagi kata majmuk dalam *Denglisch* diambil daripada kata sandang leksis kedua seperti *das Beautyprodukt* dan bukannya *die Beautyprodukt*.

- e. Sesetengah leksis mengalami sedikit perubahan dalam sistem penulisan seperti dalam leksis-leksis *Denglisch* *das Foto* dan *der Klub*. Leksis *Foto* tidak ditulis seperti dalam Bahasa Inggeris sebagai *photo* dan leksis *Klub* tidak ditulis seperti dalam Bahasa Inggeris sebagai *club*. <ph> ditukar kepada <f> dan <c> kepada <k>, fenomena ini merupakan perubahan bunyi kedua yang berlaku terhadap tatabahasa Bahasa Jerman yang diperkenalkan oleh Jacob Grimm dalam hukum Grimm pada tahun 1822. Bunyi yang sama tapi ditulis dalam fonem yang berlainan. Situasi sebegini sangat mengelirukan. Dengan itu, Mangold (1990) mencadangkan dalam kamus penyebutan (Pronunciation) *Duden Aussprachewoerterbuch*, bahawa leksis asing yang ditulis <ph> <y> dan <c> ditulis dalam <f>, <z> dan <k> untuk mengurangkan kekeliruan.

Jadual 4.2 Leksis *Denglisch* Yang Dipinjam Secara Langsung Daripada Bahasa Inggeris

no.	der	die	das	der/das	die(jamak)
1	der Airport	die Blackbox	das Baby	der/ das Blackouts	die Attacken (die)
2	der Australia Open	die Chartshow	das Big Apple	der/das Countdown	die Beachboys (der)
3	der Barkeeper	die Dancing Queen	das Bodypainting	das/ der Download	die Beautyprodukte (das)
4	der Bestseller	die Dealer	das Boxen	der/ das Match	die Bodybuilders (der)
5	der Body	die Disco	das Callcenter	der/ das Striptease	die Boxershorts (die)
6	der Bodyguard	die Economy Class	das Cockpit	der/ das Tabledance	die Drinks (der)
7	der Boot	die First Lady	das Display		die Fans (der)
8	der Boykott	die Highsociety	das Fast Food		die Flops (der)
9	der Bullshit	die Homepage	das Feedback		die Groupies (das)
10	der Camper	die Lasershow	das Foto		die Hotlines (die)

11	der Champion	die Miss America	das Girlie		die Hotpants (die)
12	der Checkpoint	die Miss Mollig	das Handy		die Jackpots (der)
13	der Cheerleader	die Mottoshow	das Keyboard		die Junkies (der)
14	der Comedystar	die Pumpgun	das Limit		die Kiddies (das)
15	der Comic	die Queen	das Lipgloss		die Kids (das)
16	der Computerfre aks	die Quizshow	das Make-up		die Longdrinks (der)
17	der Container	die Shoppingtour	das Model		die Notebooks (das)
18	der Contest	die Show	das Outfit		die Onlineshops (die)
19	der Countrystar	die Sit-Ups	das Qualifying		die Songs (der)
20	der Countrystar	die Telentshow	das Shoppingcenter		die Surferboys (der)
21	der Crack		das Statement		die Tipps (der)
22	der Date		das Ticket		die Tops (der)

23	der Deal		das T-Shirt		die Tricks (der)
24	der Entertainer		das Workout		die Wodkadrinks (der)
25	der Eurovision Song Contest				
26	der Extrabonus				
27	der Facility Manager				
28	der Fight				
29	der Filmchart				
30	der Gangster				
31	der Hit				
32	der Insider				
33	der Jetsetter				
34	der Jury				
35	der Keeper				
36	der Klub				
37	der Knockout				
38	der Laptop				

39	der Look				
40	der Newcomer				
41	der Partygin				
42	der Pornostar				
43	der Recall				
44	der Revolver				
45	der Rock 'n'Roll				
46	der Schwimming pool				
47	der Screenshots				
48	der Showmaster				
49	der Showstar				
50	der Sixpack				
51	der Sonnyboy				
52	der Sponsor				
53	der Star				
54	der Superstar				

55	der Talkmaster				
56	der Teenager				
57	der Touchscreen				
58	der Township				
59	der Trenchcoat				
60	der Trend				
61	der Truck				
62	der Unionstar				
63	der Walkman				
64	der Workaholic				
65	der Youngster				

Leksis-leksis di dalam jadual 4.2 merupakan leksis yang berasal daripada bahasa Inggeris dan dipinjam oleh pengguna bahasa Jerman dan digunakan bersama-sama bahasa natif mereka dalam pertuturan seharian mereka. Dengan itu, dapat membuktikan bahawa fenomena *Denglisch* wujud di negara Jerman. Jadual 4.2 ini

dibahagikan kepada lima kolum, di mana satu kolum untuk leksis maskulin (sebanyak 65 leksis dapat dikenal pasti), satu kolum untuk leksis feminin (sebanyak 20 leksis dapat dikenal pasti), satu leksis untuk leksis berkecuali (sebanyak 24 leksis dapat dikenal pasti), satu kolum untuk leksis yang boleh dikategorikan dalam kumpulan maskulin dan berkecuali (sebanyak 6 leksis dapat dikenal pasti dan kolum yang terakhir untuk leksis jamak (sebanyak 24 leksis dapat dikenal pasti). Leksis ini dipinjam daripada Bahasa Inggeris dan digunakan secara bulat-bulat atau sepenuhnya dan ditulis sebagai satu perkataan. Akan tetapi ia digermanisasikan mengikut hukum-hukum tatabahasa Bahasa Jerman seperti yang dibincangkan di muka surat 116 - 119.

(ii) Selain leksis Bahasa Inggeris yang diambil secara bulat-bulat atau kata majmuk yang ditulis dalam satu perkataan, terdapat sekumpulan leksis-leksis Bahasa Inggeris yang diambil secara bulat-bulat juga tetapi dipaparkan dalam bentuk yang agak berlainan daripada apa yang dibincangkan dalam bahagian (i). Leksis kumpulan ini terdiri daripada dua atau lebih daripada dua leksis Bahasa Inggeris, akan tetapi mereka ini tidak ditulis sebagai satu perkataan malah dipisahkan oleh tanda sengkang. Leksis ini mendukung kata sandang yang sepatutnya mengikut hukum tatabahasa Bahasa Jerman. Tambahan pula huruf pertama bagi leksis ini ditulis dalam huruf besar bagi menunjukkan bahawa leksis ini merupakan kata nama. Leksis *Denglisch* yang dibentuk secara kata majmuk ini sebenarnya bukan sahaja gabungan kata nama dan kata nama, malah gabungan kata adjektif dan kata nama seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.3, jadual 4.4, jadual 4.5 dan jadual 4.6.

Jadual 4.3 Leksis *Denglisch* Yang Dibentuk Secara Pengabungan Dua Kata Nama Leksis Inggeris.

no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>
1	Aids-Baby	23	Karaoke- Show	45	Sex-Happening
2	Aids-Skandal	24	Killer-Orkans	46	Skandal-Rocker
3	Airport-Technologie	25	Klub-Sponsor	47	Star-Fotografin
4	Allstar-Team	26	Lily-Cartoon	48	Star-Metropole
5	Analyse-Software	27	Love-Guide	49	Start-Check
6	ARD-Talkshow	28	Love-Story	50	Star-Trainer
7	Backstage- Moderation	29	Madonna-Hit	51	Stress-Situation
8	Backstage- Reporterin	30	Monster-Dates	52	Talk-Queen
9	Bluetooth-Headset	31	MTV-Award	53	Top-Chance
10	Boy-Band	32	Online-Coach	54	Top-Favoritin
11	Business-Lady	33	Papier-Recycling	55	Top-Manager
12	Callgirl-Rings	34	Party-Lifestyle	56	Top-Model
13	Candlelight-Dinner	35	Playboy-Bunny	57	Top-Ten
14	CD-Tipp	36	Player-Box	58	T-Shirt
15	DNA-Test	37	Popstar-Mami	59	TV-Schocker
16	Dress-Trend	38	Problem-Kicker	60	TV-Talkerin
17	Fashion-Ikone	39	Punk-Band	61	US-Thriller
18	Flatrate-Party	40	Reporter-Hand	62	Video-Player

19	Girl-Band	41	Robbie-Song	63	Wellness-Camp
20	Hamburg-Trip	42	Rock-Star	64	ZDF-Lady
21	Hollywood- Connection	43	RTL-Show		
22	Hollywood-Star	44	Samba-Stars		

Jadual 4.3 memaparkan senarai leksis *Denglisch* yang dibentuk secara penggabungan dua kata nama leksis Inggeris. Sebanyak 64 leksis dapat dikenal pasti. Sebagai contohnya, *Business-Lady*, *Love-Story* dan *Dress-Trend*. Leksis-leksis ini sebenarnya berasal daripada Bahasa Inggeris dan dibawa masuk ke dalam Bahasa Jerman dan digunakan bersama-sama dengan Bahasa Jerman. Dengan itu, leksis Inggeris ini dijadikan *Denglisch*. Sebenarnya leksis ini dibentuk daripada penggabungan dua kata nama leksis Inggeris dan dijadikan kata majmuk. Akan tetapi leksis ini tidak ditulis sebagai satu leksis malah dua. Leksis ini dipisahkan oleh tanda sengkang dan huruf pertama setiap leksis ditulis dalam huruf besar, ini adalah disebabkan leksis ini merupakan kata nama contohnya *Business-Lady*.

Jadual 4.4 Leksis *Denglisch* yang dibentuk secara penggabungan satu kata adjektif dan satu kata nama leksis Inggeris.

no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>
1	Ex-Pornostar	11	Mega-Schock	21	Single-Frau
2	Ex-Profi	12	Mega-Talent	22	Sit-Up
3	Ex-Unionstar	13	Mega-Trend	23	Super-Babe

4	High-Heels	14	Mini-Apartment	24	Super-Baby
5	Live-Show	15	Mini-Film	25	Super-Comeback
6	Make-Up	16	Mini-Outfit	26	Super-Model
7	Mega-City	17	Mini-Player	27	Super-Plot
8	Mega-Comeback	18	Mini-String	28	Super-Sponsor
9	Mega-Happy	19	Pick-Up		
10	Mega-Meeting	20	Pop-Diva		

Jadual 4.4 memaparkan senarai leksis *Denglisch* yang dibentuk secara pengabungan satu kata adjektif dan satu kata nama leksis Inggeris. Kedua-dua leksis ini digabungkan untuk menjadi satu perkataan dan sebanyak 28 leksis dapat dikenal pasti. Akan tetapi kedua-dua leksis ini dipisahkan oleh tanda sengkang dan yang paling penting dalam kes ini, kata sendi ditulis dalam bentuk huruf besar, di mana menurut hukum tatabahasa Bahasa Jerman kata sendi mesti ditulis dalam huruf kecil. Ini adalah disebabkan kata sendi telah dijadikan kata nama setelah proses penggabungan. Sebagai contoh, **Super-Baby**, **Mega-Meeting** dan **Pop-Divat**. Leksis-leksis *super*, *mega* dan *mini* merupakan kata adjektif dalam Bahasa Inggeris dan ditulis dalam huruf kecil. Setelah proses penggabungan leksis berlaku, huruf pertama kata adjektif *super*, **s**; *mega*, **m** dan *pop*, **p** ditulis dalam huruf besar kerana mereka kini merupakan kata nama dan bukannya kata adjektif.

Jadual 4.5 Leksis *Denglisch* Yang Dibentuk Secara Pengabungan Tiga Kata Nama Leksis Inggeris.

no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>	no.	Leksis <i>Denglisch</i>
1	Atom-U-Boot	5	Indoor-Box-Event	9	Rockys Power-Drink
2	Eurovision Song Contest	6	One-Man-Show	10	Sat.1-Show
3	Formel -1- Star	7	One-Night-Stand	11	Secret-Service-Jeep
4	Grand-Prix-Star	8	Pay-TV-Sender	12	Stop-Motion-Technik

Jadual 4.5 memaparkan senarai leksis *Denglisch* yang dibentuk secara pengabungan tiga kata nama leksis Inggeris dan sebanyak 12 leksis dapat dikenal pasti. Tiga kata nama digabungkan untuk menjadi satu perkataan yang baru dan antara ketiga-tiga kata nama ini dipisahkan oleh tanda sengkang dan ketiga-tiga kata nama ini ditulis dalam huruf besar seperti yang tertera dalam hukum tatabahasa Bahasa Jerman. Misalnya, *Indoor-Box-Event*, *One-Night-Stand* dan *Stop-Motion-Technik*. Daripada ketiga-tiga contoh ini, ketiga-tiga kata nama digabungkan oleh tanda sengkang dan huruf pertama setiap kata nama ditulis dalam huruf besar.

Jadual 4.6 Leksis Kelas Kata Campuran

no.	Kata adjektif + kata nama + kata nama	no.	Kata kerja + kata nama/adjektif+kata nama
1	After-Show-Party	1	Check-In-System
2	After-Work-Partys	2	Open-Air-Festival

3	Ex-Pop-Star	3	Pin-Up-Girl
4	Ex-Teenie-Star	4	Stand-By-Funktion
5	Pop-Art-Poster		
6	Top-20-Show		

Jadual 4.6 memaparkan senarai leksis *Denglisch* yang dibentuk secara penggabungan satu kata adjektif dan dua kata nama leksis Inggeris atau satu kata kerja, satu kata nama atau kata adjektif dan satu kata nama. Sebanyak 10 leksis dapat dikenal pasti. *Denglisch* yang dibentuk oleh satu kata adjektif dan dua kata nama leksis Inggeris ini dipisahkan oleh tanda sengkang dan huruf pertama leksis-leksis ini ditulis dalam huruf besar. Contohnya **A**fter-**S**how-Party, **E**x-**T**eenie-Star, **P**op-**A**rt-**P**oster. Seperti yang ditunjukkan dalam contoh, leksis-leksis *after*, *Ex* dan *pop* merupakan kata adjektif. Leksis-leksis ini ditulis dalam huruf besar disebabkan mereka ini telah dijadikan kata nama setelah digabungkan dengan kata nama yang lain. Keadaan ini sama bagi leksis *Denglisch* yang digabungkan oleh satu kata kerja, satu kata adjektif/ nama dan satu kata nama. Misalnya bagi leksis *Denglisch* **O**pen-**A**ir-**F**estival, di mana *open* merupakan kata kerja, *air* merupakan kata nama dan *festival* merupakan kata nama. Leksis *Denglisch* **C**heck-**I**n-**S**ystem berbeza sedikit daripada leksis *Denglisch* **O**pen-**A**ir-**F**estival, ini adalah kerana leksis ini dibentuk oleh satu kata kerja, satu kata adjektif dan satu kata nama di mana *check* merupakan kata kerja, *in* merupakan kata adjektif dan *system* merupakan kata nama.

4.3.1.2 Pembentukan kata nama Leksis *Denglisch* yang terdiri daripada leksis Inggeris dan leksis Jerman

Leksis *Denglisch* yang digolongkan ke dalam kumpulan ini terdiri daripada dua perkataan, iaitu satu leksis Bahasa Inggeris dan satu leksis Bahasa Jerman. Kedua-dua perkataan ini digabungkan supaya menjadi kata majmuk. Leksis-leksis yang digolongkan dalam kumpulan ini dipaparkan dalam dua bentuk yang berlainan, iaitu terdapat satu subkumpulan, di mana kedua-dua leksis ditulis sebagai satu perkataan dan satu lagi subkumpulan pula leksis masih kekal sebagai dua perkataan. Akan tetapi kedua-dua perkataan ini digabungkan oleh tanda sengkang. Oleh kerana leksis-leksis *Denglisch* ini merupakan kata nama, dengan itu, huruf pertama bagi semua kata nama ini ditulis dalam huruf besar.

- (i) *Denglisch* yang ditulis sebagai satu perkataan

Jadual 4.7 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Dua Kata Nama.

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
1	Bankersohn	1	Börsenstart
2	Containerfrachter	2	Busen-Blitzer-Attacke
3	Jobsuche	3	Flugticket
4	Loverstern	4	Gebührenmonster
5	Partygin	5	Kinomonster
6	Showteil	6	Modetrend
		7	Mundspray
		8	Schlagerstar

		9	Stürmerstar
		10	Traumbody
		11	Weltstar
		12	Wirkstoffcocktail
		13	Zaubershow

Jadual 4.7 menunjukkan pembentukkan leksis *Denglisch* oleh dua kata nama. Pembentukkan leksis baru menerusi pemajmukan merupakan cara pembentukkan leksis baru yang paling produktif dan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua leksis. Ia juga dapat menggabungkan sehingga lebih daripada lima leksis bagi membentuk sebuah leksis yang baru seperti leksis *Rhenischiffahrtszentalkommission*. Leksis ini terdiri daripada lima leksis, iaitu *Rhein* + *Schiff* + *Fahrt* + *s* + *Zentral* + *Kommission* seperti yang direkodkan oleh Jacob Grimm (Naumann, 1986). Dalam kajian ini, leksis dibentuk sama ada dengan satu kata nama leksis Bahasa Inggeris dan satu kata nama leksis Bahasa Jerman atau satu kata nama leksis Bahasa Jerman dan satu kata nama leksis Bahasa Inggeris. Terdapat sejumlah enam leksis *Denglisch* yang dibentuk dengan satu kata nama leksis Bahasa Inggeris dan satu kata nama leksis Bahasa Jerman dan terdapat sejumlah tiga belas leksis *Denglisch* yang dibentuk dengan satu kata nama leksis Bahasa Jerman dan satu kata nama leksis Bahasa Inggeris. Misalnya leksis *Denglisch Jobsuche*, dibentuk dengan dua kata nama, iaitu kata nama Inggeris *Job* dan kata nama *Suche*. Oleh kerana setiap kata nama mendukung salah satu daripada tiga kata sandang (*der*, *die* atau *das*), bagi leksis ini, kata sandang bagi kata nama yang kedua diambil kira. Dalam situasi ini, kata sandang feminin diambil kerana kata nama *Suche* digolong dalam kategori

feminin. Ini bermakna kata nama *Suche* ini merupakan leksis feminin. Justeru itu kata nama *Suche* memakai kata sandang feminin, iaitu kata sandang *die*. Selain itu, leksis *Denglisch Flugticket* dibentuk oleh dua kata nama, iaitu kata nama Jerman dan kata nama Inggeris. Leksis *Flug* merupakan leksis Bahasa Jerman manakala leksis *ticket* merupakan leksis Bahasa Inggeris. Walaupun leksis kedua merupakan leksis Bahasa Inggeris, ia tetap memakai kata sandang seperti yang digariskan dalam tatabahasa Bahasa Jerman, di mana leksis asing mesti juga dikategorikan ke dalam salah satu daripada tiga kategori, iaitu maskulin, feminin dan berkecuali. Dengan itu, leksis asing yang berasal daripada Bahasa Inggeris ini turut mempunyai kata sandang, misalnya leksis *Denglisch Flugticket*, *Flug* merupakan leksis maskulin. Dengan itu, leksis ini dianugerahkan kata sandang *der* manakala *Ticket* merupakan leksis asing yang dipinjam daripada Bahasa Inggeris, ia dianugerahkan kata sandang berkecuali, iaitu kata sandang *das*. Dengan itu, kata sandang bagi leksis *Flugticket* ini merupakan *das* dan bukannya *der*. Menurut Wellmann (1984), lebih kurang 75 % daripada leksis majmuk, di mana dua kata nama dibentuk tanpa melibatkan unsur-unsur tambahan. Contohnya leksis *Handtasche* (hand beg). Leksis ini dibentuk dengan dua kata nama, iaitu *Hand* dan *Tasche*. Tiada sebarang unsur tambahan ditambah apabila menggabungkan kedua-dua kata nama ini. Sebanyak 10 hingga 20 % daripada leksis majmuk dibentuk dengan melibati unsur-unsur tambahan seperti *-(e)s*, *-(e)n*. Contohnya *Schokoladeneis* (chocolate ice-cream). Leksis ini dibentuk dengan dua kata nama, iaitu *Schokolade* dan *Eis*. Unsur tambahan *-n* diperlukan semasa menggabungkan dua kata nama ini. Oleh itu leksis majmuk ini berbunyi *Schokoladeneis* dan bukannya *Schokoladeeis*. Bagi unsur-unsur tambahan *-er* dan *-e* jarang mengambil tempat apabila menggabungkan dua kata nama, iaitu hanya

terdapat sebanyak satu hingga dua peratus sahaja. Contohnya *Schweinefleisch* (pork). Leksis ini dibentuk dengan dua kata nama, iaitu *Schwein* (babi) dan *Fleisch* (daging). Unsur tambahan *-e* digunakan untuk menggabungkan kedua-dua leksis ini. Oleh itu, kata majmuk ini berbunyi *Schweinefleisch* dan bukannya *Schweinfleisch*. Perlu dinyatakan di sini, semua pembentukan leksis *Denglisch* setakat ini ditulis sebagai satu unit sahaja.

Jadual 4.8 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Satu Kata Adjektif Dan Satu Kata Nama.

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
1	Supervater	1	Blaugirl
2	Stargast		
3	Halbtagsjob		
4	Superhündin		

Jadual 4.8 ini memaparkan leksis *Denglisch* yang dibentuk dengan satu kata adjektif dan satu kata nama. Leksis *Denglisch* yang terdapat dalam jadual di atas dibentuk sama ada dengan satu kata adjektif leksis Bahasa Inggeris (empat leksis dapat dijumpai) dan satu kata nama leksis Bahasa Jerman (satu leksis dapat dijumpai). Misalnya leksis *Denglisch Supervater* yang dibentuk dengan kata adjektif leksis Bahasa Jerman, iaitu *super* dan kata nama leksis Bahasa Jerman *Vater*; atau kata adjektif leksis Bahasa Jerman dan kata nama leksis Bahasa Inggeris, misalnya leksis *Denglisch Blaugirl* terdiri daripada kata adjektif leksis Bahasa Inggeris *blau* dan kata nama leksis Bahasa Inggeris *girl*. Dalam contoh leksis *Denglisch Halbtagsjob*, didapati unsur tambahan *-s* untuk menggabungkan kata adjektif leksis Bahasa Jerman *halbtags* dan kata nama leksis Bahasa Inggeris *job*.

Jadual 4.9 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Satu Kata Nama (akronim) Dan *Suffix*.

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
1	VIPchen	-	-

Pembentukan lexis *Denglisch* secara terbitan dapat dilihat dalam contoh seperti ditunjukkan dalam jadual 4.9, di mana lexis ini dibentuk dengan kata nama bahasa Inggeris, iaitu akronim *VIP* (very important person) dan satu *suffix* bahasa Jerman *-chen*. Dalam kategori ini hanya terdapat satu lexis sahaja dapat diambil dari senarai data. Kühnhold and Wellmann (1973) telah menjalankan kajian ke atas *affix* pada tahun 1973, 1975 dan 1978 dan mendapati *suffix -chen* merupakan satu *suffix* yang produktif dan pembentukan lexis baru Bahasa Jerman.

- (ii) *Denglisch* yang terdiri daripada dua lexis

Jadual 4.10 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Dua Atau Tiga Kata Nama

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
1	Beauty-Messe	1	Augen-Lifting
2	Beauty-Göttin	2	Autofahrer-Lobby
3	Box-Mädchen	3	Bild-Talk
4	Casting-Zeit	4	Blitz-Start
5	Club-Torwart	5	Bühnen-Show
6	Comerback-Sieg	6	Busen-Star
7	Designer-Klomotten	7	Dauer-Chat
8	Disco-Mädchen	8	Drogen-Rocker

9	Download-Zeit	9	Finanz-Check
10	Fast-Food-Kette	10	Fußball-Hit
11	Fitness-Geheimnis	11	Fernseh-Star
12	Flatrate-Saufen	12	Gemüse-Fan
13	Hit-Macher	13	Hunde-Fans
14	Hobby-Angler	14	Kamin-Talk
15	Kondom-Herstellers	15	Kino-Star
16	Mega-Konzerte	16	Kino-Trailer
17	Mega-Umweltverschmutzung	17	Knack-Body
18	Meister-Tipp	18	Koch-Show
19	One-Night-Flirt	19	Lügen-Detektor
20	One-Way-Flüge	20	Masken-Killer
21	Photoshop-Künstler	21	Nachrichten-Lady
22	Playboy-Macher	22	Ohrwurm-Sound
23	Playboy-Opa	23	Reporter-Hand
24	Pop-Blondine	24	Schafe-Show
25	Pop-Engel	25	Schlampen-Look
26	Pop-Geschichte	26	Schlittschuh-Show
27	Pop-Königin	27	Silvester-Show
28	Pop-Künstler	28	Spargel-Fan
29	Pop-Mädel	29	5-Sterne-Service
30	Pop-Prinzessin	30	Torwart-Trick
31	Pop-Rebell	31	Vater-Sohn-Story

32	Rad-Star	32	WM-Fußball-Song
33	Serien-Star		
34	Service-Einrichtung		
35	Showbiz-Luft		
36	Show-Legende		
37	Songschreiber		
38	Songsschreiben-Urlaub		
39	Stand-By-Kosten		
40	Star-Kicker-Frau		
41	Star-Regisseur		
42	Top- Qualität		
43	Topverdiener		
44	Tornado-Warnung		
45	Killer-Schüler		

Jadual 4.10 memaparkan pembentukkan leksis *Denglisch* dengan dua atau tiga kata nama. Kata nama ini sama ada terdiri daripada kata nama leksis Bahasa Inggeris dan kata nama leksis Bahasa Jerman. Sebanyak 45 leksis dapat dikenal pasti. Contohnya *Beauty-Messe*, di mana leksis *Beauty* merupakan leksis kata nama Bahasa Inggeris sementara leksis *Messe* merupakan leksis kata nama Bahasa Jerman. Selain itu leksis *Denglisch Fußball-Hit* terdiri daripada satu kata nama leksis Bahasa Jerman iaitu *Fußball* dan satu kata nama leksis Bahasa Inggeris, iaitu *Hit*. Kedua-dua leksis ini

digabung menjadi satu unit. Akan tetapi kedua-dua leksis ini tidak ditulis sebagai satu unit malah dipisahkan oleh tanda sengkang.

Jadual 4.11 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Satu Kata Adjektif Dan Satu Kata Nama.

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
1	Fit-Geheimins	1	Alt-Stars
2	Fit-Gerichte	2	Jung-Star
3	Mega-Gewinn	3	Kurz-Check
4	Mega-Gipfel	4	Langarm-Shirt
5	Mega-Stimmung	5	Nackt-Meeting Filmchen
6	Mega-Zopf	6	Neu-Lover
7	Mini-Nachrichtenzentral	7	Neu-Sponsor
8	Mini-Rock		
9	Mini-Skandalchen		
10	Pop-Schwester		
11	Pop-Sternchen		
12	Single-Frau		
13	Single-Glück		
14	Single-Leben		
15	Super-Comeback		
16	Super-Einkauf		
17	Super-Frühling		
18	Super-Helden		

19	Super-Sturm		
20	Super-Tolle		
21	Top-Bundesländern		
22	Top-Fahrer		
23	Top-Favoritin		
24	Top-Finanzexperten		
25	Top-Frauen		
26	Top-Frisur		
27	Top-Schauspiel		
28	Top-Spiel		
29	Top-Werte		

Jadual 4.11 memaparkan leksis *Denglisch* yang dibentuk dengan satu kata adjektif dan satu kata nama. Sebanyak 29 leksis dalam kategori ini dibentuk dengan satu kata adjektif Bahasa Inggeris dan satu kata nama Bahasa Jerman. Contohnya leksis *Denglisch Top-Qualität*, di mana *top* merupakan kata adjektif Bahasa Inggeris manakala *Qualität* merupakan kata nama Bahasa Jerman. Didapati hanya sejumlah tujuh leksis *Denglisch* sahaja dijumpai dalam kajian ini, misalnya leksis *Denglisch Jung-Star*. Leksis *Denglisch* ini terdiri daripada satu kata adjektif Bahasa Inggeris, iaitu *jung* dan satu kata nama Bahasa Inggeris, iaitu *Star*. Akan tetapi leksis-leksis ini tidak ditulis sebagai satu unit malah dipindahkan oleh tanda sengkang.

Jadual 4.12 *Denglisch* Yang Dibentuk Oleh Satu Prefix Dan Satu Kata Nama.

no.	Inggeris > Jerman	no.	Jerman > Inggeris
-	-	1	Vor-Casting

Jadual 4.12 menunjukkan pembentukan leksis *Denglisch* dengan satu prefix dan satu kata nama. Hanya satu leksis dapat dijumpai, iaitu *Vor-Casting* dan ia dibentuk dengan satu prefix Bahasa Jerman, iaitu *Vor* (sebelum) dan satu kata nama Bahasa Inggeris, iaitu *Casting*. Kedua-dua leksis ini dipisahkan oleh tanda sengkang.

4.3.2 Pembentukan Kata Kerja Leksis *Denglisch*

Dalam bahagian ini pembentukan kata kerja leksis *Denglisch* dipaparkan. Daripada data yang ditinjau, dapat disimpulkan bahawa pembentukan kata kerja leksis *Denglisch* ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu dengan menambah imbuhan akhiran *-en/-n* dan dengan menambah imbuhan akhiran *-ieren*.

4.3.2.1 Penambahan imbuhan akhiran *-en/-n*

Sebelum membincangkan dapatan data dengan lebih lanjut, adalah wajar untuk menerangkan ciri-ciri kata kerja dalam Bahasa Jerman terlebih dahulu supaya para pembaca mendapat gambaran yang sewajarnya. Kata kerja dalam Bahasa Jerman mesti ditulis dalam huruf kecil, contohnya kata kerja *essen* yang bermakna makan, huruf *e* ditulis dalam huruf kecil dan kata kerja ini berakhir dengan akhiran *-en*, di mana kata dasarnya merupakan *ess-*, manakala kata kerja *feiern* yang bermakna meraikan, huruf *f* ditulis dalam huruf kecil dan kata kerja ini pula berakhir dengan akhiran *-n*, di mana kata

dasarnya merupakan *feier-*. Daripada dua contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri kata kerja dalam Bahasa Jerman adalah:

- a. huruf pertama mesti ditulis dalam huruf kecil dan
- b. kata kerja diakhiri sama ada oleh akhiran *-en* atau hanya akhiran *-n* sahaja.

Bagi kala lepas, kata kerja bahasa Jerman memerlukan dua kata kerja, iaitu kata kerja pertama yang berada di kedudukan kedua dalam satu ayat dan kata kerja kedua berada di kedudukan akhir dalam satu ayat. Kata kerja pertama hanya boleh terdiri daripada kata kerja ***haben*** (to have) atau ***sein*** (to be) manakala kata kerja kedua merupakan bentuk *partizip II*. *Partizip II* dibentuk oleh:

awalan ***ge*** + kata dasar + akhiran *-en* atau *-t*

Contohnya bagi kata kerja ***machen*** (to do), bentuk *partizip II*nya merupakan ***ge + mach + t***, iaitu ***gemacht***; kata kerja ***schlafen*** (to sleep) ***ge + schlaf + en***, iaitu ***geschlafen***. Akhiran *-en* ditambah kepada kata kerja *strong* dan akhiran *-t* ditambah kepada kata kerja *weak*. Kata kerja *strong* merupakan kata kerja yang kata dasarnya akan mengalami perubahan dan dalam bentuk *partizip II*, kata dasarnya menerima akhiran *-en*, contohnya kata kerja ***schlafen***. Bagi kata ganti nama diri pertama saya *ich*, bentuk yang digunakan oleh *ich* adalah ***schlafe***, iaitu kata dasar *schlaf-* dan ditambah dengan akhiran *-e*. Akan tetapi bagi kata ganti nama diri kedua awak *du*, bentuk yang digunakan oleh *du* adalah ***schläfst***, iaitu kata dasarnya *schläf-* dan ditambahkan dengan akhiran *-st*. Kata kerja *strong* ini hanya akan menerima akhiran *-en* dalam bentuk *partizip II*, iaitu bentuk kata kerja kala lepas *perfekt*. Kata kerja *weak* pula merupakan kata kerja yang kata dasarnya tidak akan mengalami sebarang perubahan dan dalam bentuk *partizip II*, kata dasarnya

menerima akhiran *-t*. Contohnya kata kerja ***machen***.. Bagi kata ganti nama diri pertama saya *ich*, bentuk yang digunakan oleh *ich* adalah ***mache***, iaitu kata dasar *mach-* dan ditambah dengan akhiran *-e*. Dan bagi kata ganti nama diri kedua awak ***du***, bentuk kata dasar yang digunakan oleh ***du*** adalah ***machst***, iaitu kata dasarnya *mach-* dan ditambahkan dengan akhiran *-st*. Tiada sebarang perubahan terhadap kata dasar. Kata kerja *weak* ini hanya akan menerima akhiran *-t* dalam bentuk *partizip II*, iaitu kata kerja kala lepas *perfekt* seperti yang tertera dalam hukum tatabahasa Jerman (Duden Grammatik, 2001). Kata kerja *Denglisch* yang dapat dikumpul untuk menjadikan data kajian ini dibentuk dengan menggunakan kata kerja Bahasa Inggeris dan ditambah dengan sama ada akhiran *-en* atau akhiran *-n* seperti yang telah disenaraikan dalam jadual 4.13. Dalam jadual ini disenaraikan sebanyak 20 kata kerja leksis *Denglisch*. Contohnya kata kerja leksis Bahasa Inggeris *to interview* ditambah dengan akhiran *-en* untuk membentuk kata kerja *Denglisch* ***interviewen***. Dan kata kerja leksis Bahasa Inggeris *to manage* pula ditambah dengan akhiran *-n* untuk membentuk kata kerja *Denglisch* ***managen***. Dalam analisis data yang dapat dikumpul ini, terdapat dua leksis *Denglisch* yang agak menarik dan berlainan daripada yang lain. Yang pertama kata kerja *Denglisch* ***klonen*** yang berasal daripada kata kerja Bahasa Inggeris *to clone*. Dalam Bahasa Inggeris, leksis ini ditulis dalam huruf *c* bagi bunyi /k/. Akan tetapi kata kerja ini ditulis sebagai huruf *k* dalam kata kerja leksis *Denglisch* seperti yang digariskan dalam kamus tatabahasa *Duden Grammatik* (2001). Ini adalah disebabkan oleh perubahan bunyi konsonan kedua /k/ kepada /kx/ dalam Bahasa Jerman yang mengambil tempat. Yang kedua kata kerja *Denglisch* ***pokern*** yang berasal daripada kata nama Bahasa Inggeris ***Poker***. Leksis ini tidak mempunyai bentuk kata kerja. Oleh itu, kata nama ini diubah dan dijadikan kata kerja. Dengan itu, dapat

dilihat bahawa huruf pertama bagi leksis *Denglisch* ini ditulis dalam huruf kecil dan menerima akhiran *-n*, bagi memenuhi kriteria-kriteria kata kerja dalam Bahasa Jerman.

Cara pembentukan leksis *Denglisch* ini dinamakan kaedah terbitan (derivation)

Jadual 4.13 Senarai Kata Kerja Leksis *Denglisch* Yang Dibentuk Dengan Menambahkan Akhiran *-en*

no.	Leksis Inggeris	Leksis <i>Denglisch</i>
1	boom	boomen
2	box	boxen
3	cancel	canceln
4	*clone	klonen
5	coach	coachen
6	design	designen
7	dope	dopen
8	download	downloaden
9	foul	foulen
10	grill	grillen
11	interview	interviewen
12	link	linken
13	manage	managen
14	*Poker	pokern
15	relax	relaxen
16	rock	rocken

17	shock	shocken
18	snowboard	snowboarden
19	style	stylen
20	test	testen

Jadual 4.14 Senarai Kata Kerja Leksis *Denglisch* Yang Dibentuk Dengan Menambahkan Akhiran *-pen/-ben*

no.	Leksis Inggeris	Leksis <i>Denglisch</i>
1	job	jobben
2	kidnap	kidnappen
3	rap	rappen
4	shop	shoppen
5	stop	stoppen
6	tip	tippen
7	top	toppen

Dalam jadual 4.14 kata kerja leksis *Denglisch* dibentuk sama seperti dalam kata kerja leksis *Denglisch* dalam jadual 4.13. Ciri yang menarik di sini adalah kata kerja leksis *Denglisch* ini bukan setakat menerima akhiran *-en*, tetapi huruf yang mengakhiri kata dasar tersebut digandakan. Ini adalah disebabkan vokal bagi kata dasar jenis kata kerja ini mempunyai bunyi vokal pendek. Bunyi vokal [i], [o] dan [a] dalam kata kerja leksis *Denglisch* ini patut disebut dengan pendek. Dengan itu, sebelum akhiran *-en* ditambah kepada kata dasar, huruf yang mengakhiri kata dasar digandakan supaya kata kerja leksis

Denglisch ini senang dan sedap didengar apabila diartikulasikan. Contohnya kata kerja leksis *Denglisch tippen, jobben* dan *rappen*. Kata dasar leksi-leksis ini merupakan *tip-*, *job-* dan *rap-*. Huruf *p* dan huruf *b* digandakan untuk memastikan bunyi vokal tersebut disebut sebagai bunyi vokal pendek sebelum akhiran *-en* ditambah untuk menjadikan kata kerja leksis *Denglisch*. Kata kerja *Denglisch* yang dibincang dalam jadual 4.13 dan jadual 4.14 merupakan kata kerja *weak*. Dengan itu, kala lepas bagi kata kerja ini, iaitu bentuk *partizip II* mengambil akhiran *-t*. Contohnya:

Jadual 4.15 Bentuk Kala Lepas Perfekt Kata Kerja *Weak*

no.	Bentuk Kala Kini	Bentuk Kala Lepas
1	boxen	geboxt
2	dopen	gedopt
3	foulen	gefoult
4	grillen	gegrillt
5	kidnappen	gekidnappt
6	linken	gelinkt
7	rocken	gerockt
8	shoppen	geshoppt
9	stylen	gestylt
10	testen	getestet

4.3.2.2 Penambahan imbuhan akhiran -ieren

Selain imbuhan akhiran *-en* dan akhiran *-n* , kata kerja *Denglisch* juga dibentuk dengan menambah imbuhan akhiran *-ieren* kepada kata kerja lexis Bahasa Inggeris.

Jadual 4.16 Senarai Kata Kerja Lexis *Denglisch* Yang Berakhir Dengan *-ieren*

no.	Leksis Inggeris	Leksis <i>Denglisch</i>
1	animate	anim ieren
2	colonize	koloniz ieren
3	consume	konsum ieren
4	colonize	kolonis ieren
5	escalate	eskal ieren
6	Favourite	favouris ieren
7	implant	implant ieren
8	import	import ieren
9	interpret	interpret ieren
10	mobilize	mobilis ieren
11	photograph	fotograf ieren
12	residen	resid ieren

Kata kerja *Denglisch* yang berakhir dengan *-ieren* disenaraikan dalam jadual 4.16. Kala lepas *perfekt* bagi kata kerja yang berakhir dengan *-ieren* turut digolong dalam kategori kata kerja *weak*. Walaupun kata kerja ini digolong dalam kategori ini, bentuk kala lepas

bagi kata kerja jenis ini tidak memerlukan awalan *ge-* tetapi masih menerima akhiran *-t*. Secara kesimpulannya bentuk kala lepas bagi kata kerja jenis ini hanya memerlukan kata dasar dan akhiran *-t*, contohnya kata kerja *importieren*, kala lepasnya merupakan *importiert*, iaitu kata dasar *importier* dan ditambah dengan akhiran *-t*. Bagi kata kerja leksis Bahasa Inggeris *photograf*, bunyi [p] kata kerja ini ditulis dalam dalam sistem penulisan Bahasa Inggeris sebagai *ph*, akan tetapi dalam leksis *Denglisch* dipermudahkan dan ditulis sebagai *f* dalam *fotografieren* dan bukannya *ph*. Perubahan-perubahan ini turut berlaku ke atas kata kerja leksis Bahasa Inggeris *consume*, *colonize* dan *escalate*, di mana bunyi [k] diwakili oleh *c* lain daripada *konsumieren*, *kolonisieren* dan *eskaliieren*, di mana bunyi [k] diwakili oleh *k* dalam *Denglisch*. Fenomena ini dinamakan perubahan bunyi konsonan kedua /p/ > /pf/ dan /k/ > /kx/ yang berlaku dalam tatabahasa Bahasa Jerman pada abad ke-8. Kemasukan leksis asing ke dalam Bahasa Jerman menyebabkan banyak fonem yang berlainan wujud bagi merujuk kepada bunyi yang sama. Dan ini amat mengelirukan. Dengan itu, dicadangkan oleh Mangold (1990) dalam kamus fonetik *Duden Aussprachewörterbuch*, leksis asing yang ditulis dengan <ph.>, <y> dan <c> ditulis dalam <f>, <z> dan <k> dalam Bahasa Jerman. Selain itu, terdapat satu kata kerja yang agak istimewa. Ini adalah kerana ia berasal daripada kata nama dan bukannya kata kerja sebab kata kerja ini tidak mempunyai bentuk kata kerja dalam Bahasa Inggeris. Kata kerja *Denglisch* yang istimewa ini merupakan kata kerja *favourisieren* berasal daripada kata nama *favourite* dalam Bahasa Inggeris.

4.3.3 Pembentukan Kata Adjektif Leksis *Denglisch*

Dalam analisa pembentukan leksis *Denglisch* bagi kata adjektif, tidak banyak data kata adjektif dapat dijumpai. Setelah memerhatikan pembentukan kata adjektif leksis *Denglisch* yang dapat dikumpul, adalah dapat dirumuskan bahawa ia dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan:

- (i) Bagi kata adjektif leksis *Denglisch* dalam kumpulan ini, kata adjektif *Denglisch* dibentuk dengan mengambil bulat-bulat kata adjektif leksis Bahasa Inggeris. Sedikit perubahan dalam sistem penulisan telah dilakukan bagi leksis-leksis tertentu. Contohnya,
 - a. kata adjektif leksis *Denglisch* **glamourös** berasal daripada kata adjektif leksis Inggeris **glamorous**. di mana gugusan konsonan kata adjektif Inggeris *ou* ditulis sebagai vokal o-Umlaut *ö* dalam kata sendi *Denglisch*. Ini adalah kerana dalam Bahasa Inggeris bunyi vokal o-Umlaut *ö* ini tidak wujud. Oleh itu, bunyi konsonan *ou* diganti oleh bunyi *ö*.
 - b. kata adjektif leksis *Denglisch* **sexy** berasal daripada kata adjektif leksis Inggeris **sexy**. Tiada sebarang perubahan telah berlaku ke atas kata adjektif leksis *Denglisch* **sexy** ini. Sistem penulisan dan penyebutan kata adjektif leksis *Denglisch* **sexy** ini dikekalkan.
 - c. kata adjektif leksis *Denglisch* **happy** berasal daripada kata adjektif leksis Inggeris **happy**. Tiada sebarang perubahan telah berlaku ke atas kata

adjektif leksis *Denglisch happy* ini. Sistem penulisan dan penyebutan kata adjektif leksis *Denglisch happy* ini dikekalkan.

(ii) kata adjektif leksis *Denglisch* dibentuk dengan mengambil bentuk kala lepas kata kerja leksis Bahasa Jerman. Kata kerja dalam Bahasa Jerman dapat dijadikan kata adjektif melalui proses pembentukan leksis penerbitan, di mana kata kerja dalam bentuk kala lepas *perfekt* diambil dan dijadikan kata adjektif dan berfungsi seperti kata adjektif yang lain. Misalnya:

a. kata adjektif leksis *Denglisch meistfotografiert*. Kata adjektif leksis *Denglisch meistfotografiert* ini dibentuk satu awalan, iaitu *meist* dan satu kata kerja kala lepas *perfekt*, iaitu *fotografiert*. Bentuk asal kata kerja leksis Bahasa Jerman *fotografiert* ini adalah *fotografieren*. Semua kata kerja leksis Bahasa Jerman berakhir dengan akhiran *-en* atau *-n*. Setelah dikeluarkan akhiran *-en* atau *-n* ini, bahagian kata kerja yang tinggal merupakan kata dasar bagi sesebuah kata kerja. Dan kata kerja kala lepas *perfekt* dapat dibentuk dengan menggunakan kata dasar dan ditambah akhiran *-t* bagi kata kerja *weak* dan akhiran *-en* bagi kata kerja *strong*. Kata kerja leksis Bahasa Jerman *fotografieren* ini merupakan kata kerja *weak*, dengan itu kata kerja kala lepasnya dibentuk dengan menambah akhiran *-t*, iaitu *fotografier + t = fotografiert*. Bentuk kata kerja kala lepas ini dapat digunakan sebagai kata adjektif.

b. kata adjektif leksis *Denglisch* **unaustriert**. Kata adjektif leksis *Denglisch* **unaustriert** ini dibentuk satu awalan, yaitu *un* dan satu kata kerja kala lepas *perfekt*, yaitu **austriert**. Bentuk asal kata kerja leksis Bahasa Jerman **austriert** ini adalah **austrieren**. Semua kata kerja leksis Bahasa Jerman berakhir dengan akhiran *-en* atau *-n*. Setelah dikeluarkan akhiran *-en* atau *-n* ini, bahagian kata kerja yang tinggal merupakan kata dasar bagi sesebuah kata kerja. Dan kata kerja kala lepas *perfekt* dapat dibentuk dengan menggunakan kata dasar dan ditambah akhiran *-t* bagi kata kerja *weak* dan akhiran *-en* bagi kata kerja *strong*. Kata kerja leksis Bahasa Jerman **austrieren** ini merupakan kata kerja *weak*, dengan itu kata kerja kala lepasnya dibentuk dengan menambah akhiran *-t*, yaitu **austrier** + *t* = **austriert**. Bentuk kata kerja kala lepas ini dapat digunakan sebagai kata adjektif.

(iii) Kata adjektif leksis *Denglisch* yang dikategorikan dalam kumpulan ini adalah pelik sedikit. Ini adalah kerana kata adjektif leksis *Denglisch* ini berfungsi tidak mengikut tatabahasa Bahasa Jerman, tetapi tatabahasa Bahasa Inggeris.

Misalnya,

a. kata adjektif leksis *Denglisch* **boomed**. Kata adjektif leksis *Denglisch* ini sebenarnya berasal daripada kata kerja leksis Bahasa Inggeris **to boom**. Kala lepas bagi kata kerja **to boom** merupakan **boomed**. Dan kata kerja kala lepas Bahasa Inggeris **boomed** ini diambil dan dijadikan kata adjektif mengikut hukum tatabahasa Bahasa Jerman.

- b. kata adjektif leksis *Denglisch relaxed*. Kata adjektif leksis *Denglisch* ini sebenarnya berasal daripada kata kerja leksis Bahasa Inggeris *to relax*. Kala lepas bagi kata kerja *to relax* merupakan *relaxed*. Dan kata kerja kala lepas Bahasa Inggeris *relaxed* ini diambil dan dijadikan kata adjektif mengikut hukum tatabahasa Bahasa Jerman.

4.4 Kesimpulan

Dalam Bab Empat, data dianalisis, dihuraikan dalam perkataan dan dipaparkan dalam jadual untuk memudahkan pemahaman para pembaca kajian ini.